

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 2/1984**

=====

DASAR PEMBANGUNAN TANAH INDUSTRI

Pekeliling ini dikeluarkan untuk membawa kepada pengetahuan pemungut-pemungut Hasil Tanah di Negeri Selangor mengenai keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor berhubung dengan perkara tersebut diatas.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dalam mesyuaratnya pada 16hb Ogos 1984 telah membuat keputusan seperti berikut:-

“Dasar Pembangunan Tanah Industri”.

Majlis Mesyuarat Kerajaan telah menetapkan bahawa dimana kelulusan bagi membangunkan tanah bagi maksud industri dengan tujuan menyediakan kawasan bagi memindahkan industri-industri haram tempatan maka kelulusan itu hendaklah mengandungi syarat supaya disediakan bangunan industri murah juga dengan ukuran lot tapak (25 X 80) jenis bangunan 1 ½ tingkat dan dengan harga tidak melebihi RM240,000 seunit.

Jawatankuasa Pemilihan Tanah Daerah hendaklah memberi keutamaan kepada pemohon-pemohon daripada industri haram tempatan yang berkenaan untuk ditempatkan tapak-tapak baru”

3. Semua Pemungut Hasil Tanah hendaklah memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang dinyatakan di atas.

(ABDUL HADI BIN HAJI SIDEK)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
SELANGOR DARUL EHSAN

BERTARIKH: 30HB November 1984